

Bahagian A

Baca bahagian di bawah dan pilih jawapan yang betul.

Emak kemudiannya meneruskan tugasnya selepas sembahyang Isyak. Aku tidak borapa kisah lagi tugas emak ketika itu. Namun, kemudian emak membuat tapai banyak pantang larangnya. Kononnya, jika pantang larang dilanggar, tapai tidak manis. Kalau tapai tidak manis, orang tidak mahu beli. Namun selimut itu, orang tidak pernah membeli pantang tapai ubi Wak Salikin. Jualah di rumah-rumah tetap habis. Terus laris.

Kadang-kadang aku kesal juga dengan emak. Terjun bonat dia. Malah tapai ubi sudah menjadi mata pencurian. Sejak aku kecil, emak dan bapa sudah berniaga tapai ubi. Aku membesar berkuliah di luar negara. Aku belajar botani hasil pertanian tapai ubi. Bukan aku sahaja, seluruh adik-beradikku hidup atas bukit usaha emak dan bapa membuat tapai ubi untuk dijual.

"Buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu!" kata emak ketika menabur ragi di atas ubi rebus di dalam sebuah dulang besar. Aku takut dengan petua emak. Aku hanya diam.

"Jangan kena kotoran atau minyak," sampuk bapa pula yang sedang memotong daun pisang untuk dijadikan pembungkus tapai. Kadang-kadang bapa menggunakan daun rambai. Bapa tidak mahu menggunakan plastik kerana keaslian tapai akan hilang. Rasanya kurang enak. Baunya tidak wangi lagi.

(Dipetik daripada cerpen "Legasi Tapai Ubi",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

"Buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu!"

1. Apakah reaksi 'aku' setelah mendengar kata-kata emaknya itu?
 - A Tidak puas hati
 - B Akur dan bersetuju
 - C Akur dan berdiam diri
 - D Diam sambil membantu
2. Apakah daun yang digunakan oleh bapa sewaktu membungkus tapai?
 - A Daun pisang dan daun petai
 - B Daun rambai dan daun kayu
 - C Daun pisang dan daun rambai
 - D Daun rambai dan daun pisang

"Buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu!"

3. Unsur gaya bahasa bagi perkataan yang bergaris di atas ialah
 - A inversi.
 - B sinkope.
 - C hiperbola.
 - D personifikasi.

4. Apakah kesan sekiranya melanggar petua membuat tapai?
 - A Tapai yang dijual tetap akan laris
 - B Tapai akan mengeras dan tidak laku
 - C Warna tapai akan berubah dan berasa tawar
 - D Tapai tidak manis dan orang tidak akan membeli tapai tersebut
5. Yang berikut merupakan petua-petua untuk membuat tapai, kecuali
 - A jangan beritahu orang.
 - B jangan kena kotoran atau minyak.
 - C tidak membungkus tapai dengan plastik.
 - D tidak membungkus tapai dengan daun rambai.